



Tel : 04-2615669  
Fax/Tel : 04-2628664  
E-mail : secretariat@penangbar.org  
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,  
1st Floor,  
10200 Penang,  
Malaysia.

## JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE

Criminal Law 9/21

19 Nov 2021

To Members of the Penang Bar,

### Visitation of Inmates at the Penang Prisons effective 15 Nov 2021

Members are referred to a Directive appended below dated 5 Nov 2021 from the Office of the Director of Penang Prisons pertaining to visitation of inmates at the Penang Prisons.

Members are requested to take note that Members are now permitted to visit their clients in person at both the Prisons in Penang subject to the following terms and conditions:-

1. Members are fully vaccinated.
2. Members who are fully vaccinated are required to present their vaccination certificates via the MySejahtera app to the Prison authorities on the day of the visit.
3. Members who are not vaccinated due to medical reason(s) are required to produce medical certificates/documents from a qualified medical practitioner.
4. Members have undergone Covid-19 screening with a negative result 3 days prior to their visit.
5. Members do not have any Covid-19 symptoms.

The said Directive which provides relevant information and other related details on the visitation of inmates is appended below for Members' attention and reference. Members are advised to strictly comply with the relevant Standard Operating Procedures (SOPs), requirements and guidelines during the visitation as stated in the Directive.

Members will be updated further as and when we receive additional or further information from the Penang Prisons.

We invite feedback or comments from Members who have already visited their clients in person at the Prisons to enable us to address any issues of concern with the Prison authorities.

**V Parthipan**  
**Chairman**  
**Criminal Law Subcommittee**



JABATAN PENJARA MALAYSIA  
PEJABAT PENGARAH  
PENJARA NEGERI PULAU PINANG  
JALAN PENJARA  
10460 GEORGE TOWN  
PULAU PINANG

Telefon : 04-2299448 / 445  
Faks : 04-2299446  
[pjb\\_ppnpulaupinang@prison.gov.my](mailto:pjb_ppnpulaupinang@prison.gov.my)



No. Ruj. Kami : JP/PPG/KAM/112/4 Jld.3 (3)  
Tarikh : 11 November 2021

Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang  
No. 4, Green Hall,  
1st Floor,  
10200 Pulau Pinang

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**LAWATAN PEGUAM KE PENJARA REMAN PULAU PINANG DAN PENJARA SEBERANG PERAI**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan bertarikh 9 November 2021 adalah berkaitan.

2. Bersama-sama ini disertakan Pekeliling Perjumpaan Peguam/ Polis/ Kedutaan/ Pihak Berkompeten Norma Baharu sebagai garis panduan berhubung tatacara Peguam/ Polis/ Kedutaan/ Pihak Berkompeten dengan banduan dalam norma baharu bagi mencegah penularan virus Corona di dalam penjara.

3. Kerjasama YBhg. Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih,

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

TKP ROSLAN BIN HJ. MOHAMED)  
Pengarah Penjara Negeri Pulau Pinang



## **PEKELILING PERJUMPAAN PEGUAM/ POLIS/ KEDUTAAN/ PIHAK BERKOMPETEN NORMA BAHARU**

### **1.0 TUJUAN**

Pekeling ini bertujuan untuk memberi garispanduan berhubung tatacara perjumpaan Peguam/ Polis/ Kedutaan/ Pihak Berkompeten dengan banduan dalam norma baharu bagi mencegah penularan virus Corona di dalam penjara. Pelaksanaan panduan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Panduan ini digunakan bersama Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara Bil. E 325 (Pindaan 2014) – Peraturan Lawatan dan Perjumpaan.

### **2.0 SYARAT PERJUMPAAN**

Syarat perjumpaan adalah seperti berikut:

#### **2.1 Pelawat**

- i. Telah mendapat 2 vaksinasi lengkap dan melepas tempoh lebih 14 hari.
- ii. Telah mendapat 1 vaksinasi lengkap ( CanSino dan Johnson & Johnson) dan melepas tempoh lebih 28 hari.
- iii. Mengemukakan sijil vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera.
- iv. Bagi yang tidak divaksinasi atas faktor kesihatan perlu mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan bertauliah.

- v. Keputusan NEGATIF ujian COVID-19 RT-PCR "atau" RTK-Ag (swab / saliva). Tempoh sah laku RTK-Ag dan RT-PCR adalah tiga (3) hari selepas pengambilan sampel.
- vi. Tidak bergejala Covid-19.

## 2.2 Banduan/ Tahanan/ Penghuni

- i. Tidak bergejala Covid-19
- ii. Keputusan Swab Test negative
- iii. Banduan yang tidak dibenarkan:
  - Positif Covid-19
  - Sedang menjalani tempoh kuarantin
  - Hubungan rapat kes Covid-19 (PUI)

## 3.0 KELULUSAN PERJUMPAAN

- 3.1 Pelawat hendaklah membuat permohonan kepada Pengarah Institusi sekurang-kurangnya tiga hari sebelum tarikh perjumpaan.
- 3.2 Pengarah Institusi hendaklah mempertimbangkan permohonan tersebut dan memaklumkan keputusan permohonan sebelum tarikh perjumpaan.

## 4.0 TATACARA PERJUMPAAN

### 4.1 Pelawat

- 4.1.1 Pelawat yang hadir untuk sesi perjumpaan hendaklah memakai pelitup hidung dan mulut (*face mask*), memakai pelitup muka (*face shield*) serta menggunakan cecair sanitisasi (*hand sanitizer*). Pelawat digalakkan untuk membawa sendiri pelitup muka (*face shield*).

- 4.1.2 Pelawat dikehendaki mendaftar melalui aplikasi MySejahtera.

4.1.3 Pelawat perlu membuat saringan suhu badan sebelum dibenar masuk untuk berurus. Jika suhu badan melebihi 37.5 °C, pelawat berkenaan tidak dibenarkan masuk.

#### 4.2 Banduan/ Tahanan/ Penghuni

4.2.1 Banduan yang hadir untuk sesi perjumpaan hendaklah memakai pelitup hidung dan mulut (*face mask*), memakai pelitup muka (*face shield*) serta menggunakan cecair sanitasi (*hand sanitizer*).

4.2.2 Banduan dibuat ujian RTK-Saliva.

4.3 Perjumpaan antara pelawat dengan banduan/tahanan/penghuni seboleh mungkin hendaklah dilakukan di ruang yang terbuka.

4.4 Susunan kedudukan antara pelawat dan banduan/tahanan/penghuni hendaklah dijarakkan sekurang-kurangnya 1 meter.

4.5 Bilik perjumpaan hendaklah dibersih dan dinyahkuman selepas sesi perjumpaan.

4.6 Banduan/ tahanan/ penghuni hendaklah menggunakan cecair sanitasi (*hand sanitizer*) sebelum dihantar ke blok perempatan.

### 5.0 TINDAKAN PENCEGAHAN DI BILIK PERJUMPAAN

Kerja-kerja menyahkuman di bilik perjumpaan hendaklah dilakukan sebelum dan selepas sesi perjumpaan berlangsung.

### 6.0 ANGGOTA YANG BERTUGAS DI BILIK PERJUMPAAN

Anggota hendaklah memakai pelitup hidung dan mulut (*face mask*) dan pelitup muka (*face shield*) sepanjang tempoh bertugas.

## 7.0 ARAHAN TAMBAHAN

PYM boleh mengeluarkan arahan tambahan untuk tindakan Institusi masing-masing selagi mana arahan tersebut sebagai meningkatkan lagi langkah pencegahan penularan Covid-19 di institusi penjara.

(KP AHMAD FAUDZI BIN AWANG)

Pengarah Keselamatan dan Inteligen  
Jabatan Penjara Malaysia

Tarikh : 5 - 11 - 2021

**PEKELILING PERJUMPAAN PEGUAM/ POLIS/ KEDUTAAN/  
PIHAK BERKOMPETEN NORMA BAHRU**

